

# Usul Zuraida berkenaan NFCorp ditolak

KUALA LUMPUR 13 Mac - Persidangan Dewan Rakyat hari ini menolak usul Ahli Parlimen Ampang Jaya dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), Zuraida Kamaruddin untuk membahaskan isu penyelewengan dana RM250 juta melibatkan National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp).

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia menolak usul berkenaan atas alasan kes itu telah dibawa ke mahkamah.

"Apabila perkara mutakhir berlaku yang mana pihak yang berkenaan itu telah dibawa ke mahkamah, maka, saya tidak boleh buat sesuka hati kerana saya pun terikat dengan peraturan mesyuarat.

"Perkara-perkara yang telah dibawa ke mahkamah tidak boleh kita bincang dalam Dewan ini," katanya.

Jawapan dan penegasan beliau bagaimanapun tidak dapat diterima Zuraida yang beberapa kali bangun untuk menjelaskan usul berkenaan bersabit pengurusan tatacara kewangan dan pengendalian projek oleh Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Menurutnya, ia bukannya melibatkan Penggerusi Eksekutif NFCorp, Datuk Dr. Mohamed Salleh Ismail sahaja.

Namun, kedegilan Zuraida mencabar kesabaran Pandikar Amin setelah beberapa kali diminta untuk bersabar dan duduk bagi membolehkannya menjelaskan keputusan yang dibuat.